

E-BULETIN



EDISI KETIGA



Property Information System Malaysia 2.0

JANUARI 2025 – JUN 2025



AKTIVITI

PRISM 2.0



INTEGRASI

Mesyuarat Teknikal Bagi Pelaksanaan Integrasi Sistem PRISM 2.0 dengan Sistem OSC 3.0 Plus Online

Mesyuarat teknikal susulan ini telah diadakan pada 15 Januari 2025 bagi membincangkan pelaksanaan integrasi antara PRISM 2.0 dan OSC 3.0 Plus Online, khususnya berkaitan keperluan teknikal dan keselarasan data.



WAF

Sesi Perbincangan Perisian WAF

Pada 7 Februari 2025, sesi perbincangan bersama JPPH telah diadakan bagi menilai pilihan *Web Application Firewall* (WAF) yang sesuai digunakan untuk sistem PRISM 2.0. Perbincangan ini bertujuan mencari perisian terbaik dari segi keselamatan, prestasi dan keperluan operasi sistem.



CR

Sesi Perbincangan Change Request Modul Fasa 1

Sesi ini telah diadakan pada 14 Februari 2025 bagi membincangkan senarai *Change Request* (CR) yang dikumpulkan hasil daripada Ujian Penerimaan Pengguna dan *Provisional*. Perbincangan bersama pengguna NAPIC memberi tumpuan kepada keputusan sama ada perubahan tersebut perlu dibawa ke tarikh *go-live* pada 30 April 2025 atau dilaksanakan pada fasa seterusnya.



MESYUARAT PRESTASI SEPARUH TAHUN KEMAJUAN PROJEK BIL. 2/2024

- Tarikh: 6 Januari 2025
- Tempat: Hotel Holiday Inn, Sepang

- Tempoh pelaporan merangkumi Julai 2024 hingga Disember 2025.
- Laporan menunjukkan terdapat beberapa cabaran dalam pencapaian projek.
- Keadaan ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat terdahulu mengenai penjadualan semula pelaksanaan projek.
- Pasukan PMO JPPH dan Naditek telah melaksanakan langkah penambahbaikan secara berterusan.
- Usaha ini akan diteruskan bagi memastikan kemajuan projek kekal terkawal dan bergerak mengikut perancangan.





Perkembangan Integrasi

Dokumen *Integrated Design Document* (IDD) terkini telah diserahkan oleh pasukan pembangun PRISM 2.0 kepada vendor OSC 3.0 Plus Online, manakala JKT turut menyerahkan sampel data pada 28 Februari 2025.



MESYUARAT TEKNIKAL BAGI PELAKSANAAN INTEGRASI SISTEM PRISM 2.0 DENGAN SISTEM OSC 3.0 PLUS ONLINE – SESI 2

- Sesi kedua mesyuarat teknikal ini membincangkan langkah-langkah terkini bagi pelaksanaan integrasi PRISM 2.0 dengan OSC 3.0 Plus Online.
- Sesi seterusnya akan memberi fokus kepada perbincangan mengenai JKT Gateway bagi memastikan proses integrasi berjalan lancar dan bersedia untuk ujian lanjut.



Integrasi PRISM 2.0 melalui JKT Gateway

Integrasi PRISM 2.0 dengan OSC 3.0 Plus Online dilaksanakan melalui JKT Gateway, iaitu saluran rasmi oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) untuk menyelaras pertukaran data antara sistem. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan pertindihan maklumat, memudahkan perkongsian data, serta memastikan proses kelulusan pembangunan dapat disokong dengan lebih efisien.

AKTIVITI PRISM 2.0

Sesi ini memberi tumpuan kepada demonstrasi aliran kerja lengkap bagi penerbitan Laporan Pasaran Harta Tanah secara suku tahunan melalui PRISM 2.0.

Proses melibatkan pelbagai peringkat bermula daripada muat turun templat laporan oleh Ketua NAPIC Daerah, pemilihan serta penjanaan data harga dan sewa, semakan oleh Pegawai Pasaran Harta, sehingga kepada kelulusan laporan oleh Timbalan Pengarah Pasaran Harta.

Turut diperincikan ialah peranan NAPIC Ibu Pejabat dalam menetapkan tarikh penerbitan serta penyimpanan sejarah laporan bagi rujukan masa hadapan.



**SESI DEMO SISTEM PRISM 2.0 FASA 1.5:
MODUL MENERBIT LAPORAN DATA HARTA
TANAH**



**SESI VERIFIKASI DATA MIGRASI
PRISM 1.0 UNTUK PROJEK
PRISM 2.0 FASA 1**

Sesi ini dijalankan di Ibu Pejabat JPPH bersama wakil NAPIC Ibu Pejabat dan wakil NAPIC cawangan Selangor bagi tujuan pengesahan ketepatan data yang telah dimigrasikan daripada PRISM 1.0 ke PRISM 2.0.

Penglibatan cawangan adalah penting bagi memastikan keselarasan dan ketepatan data di peringkat negeri serta cawangan dapat dipelihara.



**SESI DEMO PRISM 2.0 FASA 1 KEPADA
PENGURUSAN TERTINGGI JPPH**

Sesi demo ini diadakan untuk membentangkan sistem PRISM 2.0 Fasa 1 kepada pengurusan tertinggi JPPH, menekankan kesiapsiagaan sistem untuk *go-live*. Pembangun PRISM 2.0 membentangkan ciri-ciri utama sistem, menjawab pertanyaan dengan jelas, serta menerima cadangan penambahbaikan yang relevan sebelum pelaksanaan. Aktiviti ini membantu pengurusan memahami keupayaan sistem dan memastikan semua aspek beroperasi lancar sebelum *go-live*. Selain itu, sesi ini memberi peluang kepada pihak pengurusan menilai kefungsi sistem dalam konteks operasi sebenar, serta memastikan sebarang risiko atau isu dikenal pasti dan ditangani awal. Dengan pendekatan ini, keyakinan terhadap keberkesanan sistem dapat diperkukuh sebelum ia digunakan sepenuhnya.



AKTIVITI

PRISM 2.0



DEMO

Sesi Demo PRISM 2.0 Fasa 1.5 - Modul Mengurus Perkhidmatan Data Harta Tanah (Web GIS)

Sesi demo ini menampilkan modul Web GIS PRISM 2.0 Fasa 1.5, membolehkan pengguna membuat semakan data harta tanah melalui peta secara interaktif. Fungsi ini memudahkan pemantauan, analisis lokasi, serta penyediaan laporan yang lebih efisien dan tepat.



SESI PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK JPPH BAGI PENGESAHAN PELAPORAN INDEKS



KUALITI DATA

Sesi Pembentangan Hasil Perbandingan Laporan Data Quality (DQ) Exception Rules

Pembangun PRISM 2.0 (*Big Data Analytics*) telah melaksanakan semakan berkaitan *DQ Exception Rules*, dan sesi ini diadakan bagi pengesahan bersama pengguna Unit Pasaran Harta NAPIC bagi Modul Semakan Kualiti.



TEKNIKAL

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PRISM 2.0 Bilangan 2/2025

Mesyuarat ini diadakan bagi membentangkan perkembangan semasa projek PRISM 2.0 serta memastikan pihak pengurusan tertinggi sentiasa dimaklumkan mengenai status pelaksanaan termasuk perkara berkaitan kelulusan dan pembayaran.

- Pasukan Pembangun PRISM 2.0 (*Big Data Analytics*) membentangkan hasil pelaporan indeks hasil daripada migrasi SPSS.

- Perbincangan melibatkan pemilihan serta kesesuaian data indeks harta tanah untuk dimasukkan dalam sistem PRISM 2.0.

- Sesi ini turut berfungsi untuk mendapatkan pengesahan pihak JPPH sebelum pelaporan indeks dijana Laporan Indeks Harta Tanah.





AKTIVITI PRISM 2.0

SESI UJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT) PRISM 2.0 FASA 1.5

10 MAC 2025 - 11 APRIL 2025



Sesi UAT ini dilaksanakan bagi memastikan kesediaan modul-modul yang akan dilancarkan dalam Fasa 1.5. Modul terlibat merangkumi Modul Menerbit Laporan Harta Tanah, Modul Menganalisis dan Menyediakan Jadual Harta Tanah (submodul: Web Scrapping, Data Lake, Data Warehouse), Modul Mengurus Perkhidmatan Data Harta Tanah, dan Modul Menyemak Kualiti Data Harta Tanah. Ujian dijalankan secara berperingkat dalam beberapa siri kerana tempoh sehari tidak mencukupi untuk keseluruhan modul. Oleh itu, tempoh ujian diperuntukkan selama sebulan dengan penglibatan pengguna NAPIC cawangan dan pegawai NAPIC di Ibu Pejabat bagi memastikan ketepatan serta kebolegunaan sistem sebelum *Go-Live*.

Sorotan aktiviti:



AKTIVITI PRISM 2.0

SESI LATIHAN PRISM 2.0 FASA 1



Sesi Latihan Pengguna PRISM 2.0 Fasa 1 telah dilaksanakan pada 14 April 2025 hingga 25 April 2025 melibatkan tiga kumpulan peserta. Kumpulan 1 mengikuti latihan di Bilik Latihan BTM, JPPH Ibu Pejabat manakala Kumpulan 2 dan 3 dijalankan di Makmal Komputer Sri Cendana 3 dan 4, INSPEN. Latihan ini merangkumi Modul Mengumpul Data Harta Tanah, Fungsi Sokongan, Pengurusan Pengguna dan Semakan Kualiti sebagai persediaan sebelum pelaksanaan *Go-Live* pada 30 April 2025.



Pendekatan latihan memberi peluang kepada pengguna berinteraksi secara terus dengan pasukan pembangun PRISM 2.0 bagi mendapatkan penerangan teknikal, menjelaskan keperluan operasi sebenar serta memastikan kefahaman bersama terhadap fungsi sistem.



MESYUARAT PEMBENTANGAN HASIL PENGUJIAN NON FUNCTIONAL SERVICE (NFS) BAGI PROJEK PRISM 2.0

- Pihak *Verification & Validation (V&V)* telah membentangkan hasil pengujian Non Functional Service (NFS) kepada JPPH pada 6 Mei 2025.
- Sesi ini bertujuan memberi pengesahan kepada JPPH berhubung prestasi PRISM 2.0 bagi modul yang akan go-live Fasa 1, memastikan sistem memenuhi piawaian teknikal serta bersedia untuk digunakan dalam persekitaran operasi sebenar.

Peranan Verification & Validation (V&V)

V&V bertanggungjawab melaksanakan ujian bebas ke atas sistem bagi menilai tahap ketepatan, keandalan dan kesesuaian PRISM 2.0. Hasil ujian ini menjadi rujukan penting kepada JPPH sebelum membuat keputusan berkaitan penerimaan sistem.



Tujuan dan objektif pengujian

Pengujian dibuat untuk mengukur keupayaan sistem dalam mengendalikan jumlah pengguna serentak, kadar transaksi, serta kestabilan dan kecekapan di bawah pelbagai keadaan beban. Pembangunan skrip menggunakan alat ujian automasi iaitu Apache JMeter dan direka bentuk secara *parameterized* bagi memastikan fleksibiliti, kebolehgunaan semula dan keupayaan untuk meniru tingkah laku pengguna sebenar dalam persekitaran simulasi. Objektif pengujian adalah untuk memastikan sistem diuji secara menyeluruh dari sudut keupayaan dan tindak balasnya di bawah pelbagai beban penggunaan.



AKTIVITI PRISM 2.0

Pada 8 Mei 2025, satu sesi latihan khusus untuk Pentadbir Sistem telah diadakan di Bilik Latihan Bahagian Teknologi Maklumat, JPPH Ibu Pejabat. Sesi ini melibatkan penyertaan pengguna daripada NAPIC Ibu Pejabat serta pegawai Bahagian Teknologi Maklumat.

Latihan ini memberi penekanan kepada peranan penting Pentadbir Sistem dalam memastikan kelancaran operasi PRISM 2.0, termasuklah mengurus capaian pengguna, menyelia konfigurasi sistem, serta memantau keselamatan dan integriti data. Peranan mereka amat penting dalam menjamin keberkesanan sistem dan menyokong kelancaran penggunaan PRISM 2.0 di seluruh organisasi.



**SESI LATIHAN SISTEM PRISM 2.0 FASA 1:
PENTADBIR SISTEM**



**SESI LATIHAN PRISM 2.0 FASA 1:
TRAIN THE TRAINERS**

Pada 15 Mei 2025, wakil cawangan iaitu Ketua NAPIC Daerah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah mengikuti sesi *Train the Trainers* bertempat di Makmal Komputer Sri Cendana 3, INSPEN. Sesi ini bertujuan melatih mereka untuk seterusnya melatih pegawai di cawangan masing-masing serta pihak pemaju hartanah seliaan masing-masing, khususnya bagi kemasukan data ke dalam PRISM 2.0. Kaedah ini diperkenalkan sejajar dengan pemansuhan penghantaran data secara manual melalui borang.



**BENGGEL PENYEDIAAN DAN
PENGESEHAN IDD BAGI INTEGRASI HIMS
(JPN) DAN PRISM (JPPH)**

Pada 21 Mei 2025, telah diadakan bengkel penyediaan dan pengesahan *Integrated Design Document* (IDD) bagi tujuan integrasi antara Housing Integrated Management System (HIMS) yang dibangunkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan PRISM di bawah seliaan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Bengkel ini memberi fokus kepada:

- Semakan teknikal terhadap dokumen reka bentuk integrasi untuk memastikan keserasian data dan aliran maklumat antara sistem HIMS dan PRISM.
- Pengesahan proses integrasi yang merangkumi pertukaran data projek perumahan, status pembangunan serta maklumat berkaitan yang diperlukan oleh JPPH.



AKTIVITI

PRISM 2.0



AWARENESS PRISM 2.0

Sesi Awareness PRISM 2.0 di Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah ke 87

Pada 27 Mei 2025, bertempat di Hotel Perdana, Kota Bharu, telah berlangsung Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah ke-87. Sehubungan dengan itu, satu Sesi Awareness PRISM 2.0 turut diadakan sebagai sebahagian daripada pengisian persidangan berkenaan. Sesi ini bertujuan memberi pendedahan awal mengenai Sistem PRISM 2.0 kepada para pegawai yang hadir. Pasukan teknikal PRISM 2.0 turut membuka *booth* bagi memberikan penerangan berkenaan fungsi dan keupayaan sistem, serta menjawab pertanyaan daripada peserta. Selain itu, pihak pasukan juga telah membantu urusan pendaftaran ID pengguna PRISM 2.0 untuk pegawai-pegawai yang terlibat.



Sesi Perbincangan Dokumen Spesifikasi Integrasi Sistem GISPP bagi Projek PRISM 2.0

Sesi ini diadakan sebagai pembentangan akhir sistem kepada pengguna JPPH iaitu wakil dari Bahagian Perancangan Strategik dan Standard Amalan (BPSSA) sebelum Ujian Penerimaan Provisional (PAT). Pasukan teknikal PRISM 2.0 menunjukkan data dan modul yang telah disiapkan, membolehkan pengguna menyemak dan membuat cadangan penambahbaikan pada sistem dan dokumen spesifikasi terakhir jika perlu. Perbincangan ini memastikan sistem berada dalam versi final untuk fasa PAT, dengan semua data dan aliran telah disahkan tepat dan konsisten.



AKTIVITI

PRISM 2.0



UAT

Sesi UAT PRISM 2.0 Fasa 1.5 – Menyediakan Jadual Data Harta Tanah (Visualisasi Data Unit Inventori) Sesi 3

Sesi ini merupakan sesi akhir UAT bagi modul visualisasi data unit inventori menggunakan *Tableau*. Pengguna telah menyemak paparan jadual dan *dashboard*, termasuk data harta tanah yang boleh diakses oleh unit inventori. Sebarang perubahan atau komen telah diambil tindakan oleh pihak teknikal, dan modul kini disediakan untuk Ujian Penerimaan *Provisional* (PAT) sebagai fasa pengujian seterusnya sebelum *Go-Live*.



PAT

Sesi PAT PRISM 2.0 Fasa 1.5 – Modul Mengurus Perkhidmatan Data Harta Tanah (Pengurusan Pengguna)

Sesi ini dihadiri oleh *Data Admin* dari Ibu Pejabat bagi mengesahkan pembetulan selepas UAT. Peserta juga diberi panduan praktikal untuk mengurus pengguna luar (*eData*), termasuk proses kelulusan dan pemantauan akses. Aktiviti ini memastikan pentadbir sistem memahami aliran kerja pengurusan pengguna sebelum modul dilancarkan secara rasmi.



PAT

Sesi PAT PRISM 2.0 Fasa 1.5 – Modul Fungsi Sokongan (Web GIS)

Sesi ini memfokuskan fungsi Web GIS, membolehkan pengguna mencari data harta tanah melalui medan seperti Negeri, Daerah, dan Bandar/Pekan/Mukim. Fungsi tambahan termasuk paparan *info lot* melalui kursor, carian poligon dengan tiga titik, serta carian radius berdasarkan kawasan yang ditandakan, memudahkan pengguna melihat data hartanah secara visual dan interaktif.